

Analisis Wacana Kritis Bahasa Dan Kuasa: Kepimpinan dan Permuafakatan

Critical Discourse Analysis of Language and Power: Leadership and Collaboration

Farzana Binti Adnan
Suziana Binti Mad Saad

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: A164189@siswa.ukm.edu.my
suziana@ukm.edu.my.

ABSTRAK

Bahasa bukan sahaja dilihat sebagai sebuah komunikasi malahan pengaruh yang dibawanya. Makalah ini meneliti tentang bagaimanakah wacana ucapan menjadi penghubung antara dua buah parti besar di Malaysia iaitu UMNO dan PAS bagi membentuk sebuah permuafakatan. Di samping itu, penulisan ini dilaksanakan adalah untuk melihat sejauhmanakah sebuah wacana dapat membentuk penyatuan dan meraih kepercayaan dalam kalangan pendengarnya. Penelitian dilakukan berlandaskan analisis wacana kritis iaitu kerangka yang dapat membantu menghuraikan dan memahami penggunaan bahasa dalam sesbuah wacana. Kaedah deskriptif kualitatif bagi menganalisis data. Data yang digunakan adalah teks ucapan yang disampaikan oleh Presiden Parti UMNO Yang Behormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan oleh Presiden Parti PAS iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang semasa berlangsungnya Himpunan Penyatuan Ummah UMNO-PAS. Kajian analisis wacana dijalankan dengan melihat kepada dua bentuk dimensi iaitu sifat kewacanaan dan ciri tekstual melalui analisis linguistik. Kajian dimensi kewacanaan memaparkan struktur generik teks pengucapan yang memperlihatkan orientasi dan sifat kepimpinan pemimpin UMNO dan PAS. Seterusnya, kajian turut melibatkan ciri-ciri tekstual yang diberikan penekanan dan pemerhatian terhadap proses leksikalasi bagi melihat unsur-unsur yang tersirat dan tersurat yang terkandung dalam sesbuah wacana.

Kata kunci: bahasa, wacana, analisis wacana kritis, kepimpinan, permuafakatan.

ABSTRACT

Language is not only seen as communication but also the influence it brings. This article analyses how speech discourse serves as a link between two major parties in Malaysia, PAS and UMNO to form a united front. In addition, this writing is intended to see how much a discourse can form an unifying and gaining trust among the listeners. The influence of leadership brought by both parties played a major role in expanding its influence and power. This research is based on critical discourse analysis which is a framework that can help to explain and understand the use of language in a given discourse. Qualitative descriptive methods were used to analyze the data. The data used was the text of the speeches delivered by UMNO party President Yang Behormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and also by PAS, Tuan President Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang during the UMNO-PAS Ummah Unification Assembly. The discourse analysis study is conducted by looking at two dimensions of the nature of literacy and textual features through linguistic analysis. The study of dimensions of authorship reveals a generic structure of the text of the speech that shows the orientation and leadership nature of UMNO and PAS leaders. Further, the study also involved textual features that emphasized and observed the lexicalization process in order to look at the implicit and explicit elements contained in a discourse.

Keywords: language, discourse, critical discourse analysis, leadership, unitification

1. Pengenalan

Politik merupakan gagasan yang dibina bagi membantu membentuk sebuah negara membangun yang bersifat demokratik dan bersatu. Kepimpinan dilihat sebagai satu proses sosial yang turut merujuk secara dialektikal kepada proses “menakhoda” wacana dan negara bangsa. Corak kepimpinan yang dibawa oleh barisan pemimpin adalah penting bagi perkembangan sesebuah negara untuk di samping memenuhi aspirasi, hasrat dan keperluan negara terutamanya rakyatnya. Di samping itu, setiap pemimpin akan berusaha mempertahankan kuasa politik yang mereka ada melalui pelbagai cara termasuklah melalui penggunaan bahasa.

Komunikasi yang berpengaruh bermula daripada penguasaan bahasa yang kukuh dan mantap. Menurut Rohaizah Karim (2014) setiap ucapan yang disampaikan berperanan mengukuhkan kuasa, mempertahankan idea, menyampaikan ideologi dan kepentingan lain. Pengucapan adalah salah satu komunikasi yang mampu untuk menjadi medium penyampai kepada para pendengar kerana ucapan pemimpin dapat memberikan impak yang besar kepada pemerintahan corak baru sama ada dalam parti politik itu sendiri maupun dalam negara. Oleh itu, pengaruh politik yang dibawa mestilah berasaskan kepada konsep pembentukan sesebuah wacana. Menurut Asmah Hj Omar (1980), wacana mestilah mempunyai tujuan dan tujuan itulah yang menentukan penggunaan bahasa.

Politik merupakan suatu agenda yang mempengaruhi pembangunan sesebuah negara. Rentetan itu, dapat disimpulkan bahawa wacana politik adalah tergolong dalam ucapan, pertuturan yang membentuk sebuah kesatuan pemikiran yang utuh dan mempunyai agenda dan tujuan tertentu di sebalik perlaksanaannya. Menurut Haryono Suyono (2003), politik adalah pelbagai kegiatan dalam suatu sistem politik yang menyangkut proses penentuan tujuan dan pelaksanaan seluruh masyarakat. Hal ini ditonjolkan melalui pengambilan keputusan berupa nilai, idea dan norma, kepercayaan dan keyakinan seseorang atau kelompok terhadap suatu kejadian dan masalah politik yang dihadapinya. Melalui proses ini sebuah negara dapat dibina berlandaskan prinsip kerjasama yang dapat mewujudkan keharmonian dalam membangunkan negara. Penggunaan bahasa sebagai medium penyampaian dalam komunikasi merupakan perkara yang perlu dititikberatkan bagi memperlihatkan aspek penggunaannya terhadap kalangan pendengar. Oleh itu, wacana politik dikaji bagi memperlihatkan bagaimanakah sebuah kesatuan yang baharu dapat dibentuk antara pemimpin dan ahli partinya.

Objekif penulisan ini adalah untuk menganalisis dimensi kewacanaan bagi mengupas sifat wacana teks ucapan kepimpinan dan permuafakatan. Di samping itu, analisis ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri tekstual wacana bagi memperlihatkan idea tersirat dan tersurat yang ingin disampaikan.

2. Tinjauan Literatur

Terdapat pelbagai kajian wacana yang dilaksanakan yang berkait dengan bidang politik dan menjadikan analisis wacana kritis sebagai teori bagi melaksanakan kajian. Analisis yang dilaksanakan terdiri daripada pelbagai ciri dan sifat yang memperlihatkan struktur sesebuah wacana yang dibina dengan lebih mendalam. Kebanyakkan daripada penghasilan wacana menekankan aspek kepimpinan seseorang pemimpin.

2.1 Wacana Politik

Idris Aman (2008) dalam kajiannya, Bahasa dan Kuasa Analisis Wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11 meneliti kejayaan Barisan Nasional dari perspektif linguistik. Pengkajian dilaksanakan dengan melihat cara mereka memanfaatkan dan menggembeleng bahasa atau wacana untuk mencapai hasrat mempertahankan dan memperoleh kekuasaan politik. Wacana yang dipilih adalah manifesto pilihan raya umum kesebelas dengan menerapkan pendekatan analisis wacana kritis, kaedah Fairclough. Berdasarkan daripada pendekatan yang digunakan, analisis dijalankan dari segi dimensi tekstual yang meliputi aspek leksikal, nahu dan struktur generik wacana. Di samping itu, analisis amalan wacana juga dikupas yang meliputi interpretasi penghasilan, penyebaran, penggunaan, sifat amalan, daya ujaran, dan semiotik wacana.

Selain itu, terdapat juga kajian Idris Aman (2014) yang mengkaji wacana manifesto iaitu Pilihan Raya dan Prestasi Parti Politik Utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum Ke-13: Suatu Analisis Linguistik. Makalah ini membincangkan manifesto parti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat di dalam PRU 13 Malaysia 2013. Huraia dibincang daripada perspektif linguistik, khususnya dalam kerangka pemikiran ‘bahasa sebagai wadah kehidupan sosial’, dengan meneliti bagaimana linguistik dimanfaatkan dan bermanfaat di dalam penghasilan manifesto bagi mencapai hasrat politik. Analisis dilakukan secara deskriptif, interpretatif, dan kritis terhadap aspek linear dan non-linear teks berdasarkan ilmu analisis wacana.

Kedua-kedua kajian yang dilaksanakan di atas adalah berasaskan kepada pendekatan analisis wacana kritis namun begitu, sifat wacana manifesto adalah berbeza daripada wacana jenis pengucapan. Wacana manifesto mempunyai bentuk, struktur dan cirinya yang tersendiri. Secara tidak langsung, hasil daripada pendekatan yang digunakan adalah berbeza daripada wacana jenis pengucapan yang secara permukaannya mempunyai pembuka, isi dan penutup dan kemudiannya konsep yang dibawakan adalah lebih kepada komunikasi secara dua hala antara penyampai dan pendengar.

2.2 *Wacana Kepimpinan*

Rohaidah Haron (2012) dalam kajiannya Bahasa Transformasi Modal Insan dalam Ucapan Najib Razak yang meninjau kandungan umum yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Kajian ini memanfaatkan ucapan Najib Razak dalam Perhimpunan Agung UMNO dari tahun 2004 hingga 2009 sebagai data kajian. Di dalam kajian ini penekanan diberi kepada aspek intertekstualiti dalam pembinaan sesebuah wacana. Ia terdiri daripada lima kaedah iaitu representasi wacana, praandaian, penafian, metawacana dan ironi dengan menggunakan pendekatan Fairclough, 1992.

Seterusnya, Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid (2015) melaksanakan kajian yang membincangkan strategi wacana komunikasi teks ucapan Tengku Razaleigh Hamzah yang bertajuk Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. Kerangka teori yang mendasari kajian ini ialah analisis wacana kritis. Kajian ini memfokuskan kepada praktis kepimpinan yang dibawa oleh penyampainya. Selain itu, aspek khusus yang dibincangkan ialah bagaimana pemimpin ini menggembeleng wacananya. Di samping itu juga, bahasa dilihat sebagai salah satu medium yang digunakan bagi menguatkan pengaruh dan kuasa dalam kepimpinan.

Kajian kepimpinan juga turut dilaksanakan oleh Idris Aman (2011) yang bertajuk Kepimpinan: Analisis Ucapan Sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam. Makalah ini meneliti bagaimana Najib bangkit dan bertindak bagi keperluan politiknya melalui wacana sulungnya selepas dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 3 April 2009. Pengkajian yang dijalankan menjurus kepada cara serta sebab bahasa diuruskan dalam wacana sulungnya dan dalam masa yang sama menjelaskan cara bahasa berfungsi dalam proses memimpin serta

memperkuuh kedudukan. Analisi wacana ini melihat kepada struktur generik, daya ujaran, penyebaran dan penggunaan; dan pengenalpastian fitur teks wacana, seperti pengleksikal, nahu, dan jenis tema.

Ketiga-tiga kajian di atas menjadikan pendekatan analisis wacana kritis sebagai peneraju bagi melaksanakan kajian. Di samping itu juga jenis wacana yang dibawa adalah pengucapan yang membawa persamaan daripada struktur permukaannya iaitu mempunya pembuka dan penutup. Namun begitu, pengkajian yang dilaksanakan oleh pengkaji lepas ini hanyalah memfokuskan kepada proses kepimpinan. Penekanan yang cuba diberikan dalam kajian yang dijalankan adalah dengan mengetengahkan aspek permuafakan/ penyatuan yang melibatkan pembentukan dalam pemerintahan yang bersatu teguh. Jadi, secara tidak langsung terdapat perbezaan dan keistimewaan dalam wacana serta dapat ditonjolkan selain daripada aspek kebiasaan iaitu kepimpinan.

3. Metodologi

Kajian analisis wacana menerapkan pendekatan kualitatif dalam usaha untuk melaksanakan proses pengumpulan data. Menurut Taylor dan Bogdan (dalam Kamarul Azmi, 2012) data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Kajian kualitatif yang digunakan ialah analisis wacana dan pemerhatian terhadap data (wacana atau teks).

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian yang dijalankan menggunakan proses pengumpulan data yang berbentuk analisis dokumen. Data yang dianalisis adalah bersumberkan dari wacana teks pengucapan yang disampaikan oleh dua pemimpin besar parti dalam negara iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang merupakan Presiden UMNO dan ucapan PAS disampaikan oleh ketua pemimpinnya iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang. Jumlah keseluruhan bilangan patah perkataan bagi kedua-dua teks adalah 5342 di mana sebanyak 2160 patah perkataan bagi teks UMNO dan 3182 patah perkataan bagi teks PAS. Analisis ini tertumpu kepada peranan sesebuah wacana digunakan dalam pengucapan, kepimpinan dan pembentukan permuafakatan. Bentuk kedua-dua jenis teks ini adalah ucapan, namun struktur teks pengucapan yang dirangka menggunakan sifat dan ciri-ciri berbeza. Pemerihalan tentang sistem bahasa berasaskan teks merujuk kepada penghuraian berasaskan aspek kata, frasa, ayat dan struktur teks atau wacana. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, analisis wacana diterapkan bagi menginterpretasikan dan menjelaskan proses dan idea serta elemen-elemen bahasa yang terselindung di sebalik wacana kepimpinan dan permuafakatan Himpunan Penyatuan Ummah PAS-UMNO. Analisis teks ini dijalankan secara berperingkat yang melibatkan huraian secara deskriptif.

3.2 Kaedah Pemprosesan Data

Data yang diperolehi diproses kemudian dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu melalui **transkripsi teks, kaedah korpus dan pemaparan data**. Kaedah ini dilaksanakan bagi meneliti dan mengenalpasti jenis data yang diperlukan dan kemudian diproses bagi melaksanakan analisis kajian berdasarkan aspek yang diperlukan. Kaedah pemprosesan data ini dilaksanakan sebelum analisis dilakukan.

Transkripsi teks

Data yang diperolehi asalnya adalah pengucapan dalam bentuk video rakaman. Data ini kemudian dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi teks yang diperolehi daripada media massa

iaitu internet. Data yang dianalisis terdiri daripada dua sumber teks ucapan yang disampaikan oleh dua pemimpin parti yang berbeza iaitu PAS dan UMNO. Kedua-dua teks ini digunakan sewaktu pengucapan Himpunan Ummah PAS-UMNO yang berlangsung pada 13 dan 14 September 2019 bertempat di Pusat Dagangan Dunia (PWTC). Agenda program ini diadakan bertujuan untuk membentuk pakatan atau gabungan antara kedua-dua parti. Kedua-dua ucapan ini disampaikan oleh pemimpin yang menaungi parti iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan ucapan PAS disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang. Proses transkripsi yang dilaksanakan adalah untuk memudahkan proses pengenalpastian unsur-unsur yang membentuk teks wacana yang dikaji. Transkripsi adalah bentuk penulisan semula data daripada bentuk lisan dan kemudian ditukarkan ke bentuk sistem tulisan. Secara tidak langsung struktur ayat yang wujud dapat dikenalpasti dengan lebih jelas pembawakan makna berbanding dengan data yang diperolehi daripada bentuk lisan. Setiap struktur yang dibina dalam sesuatu wacana dan teks adalah berbeza dan dilabelkan kepada dua iaitu teks 1(T1) untuk wacana Umno dan teks 2 (T2) untuk wacana PAS.

Kaedah Korpus

Kaedah korpus akan digunakan dalam analisis kata nama inklusif dan eksklusif serta kosa kata yang menjurus kepada ‘kata kunci’ utama iaitu leksikal yang signifikan dengan proses pembentukan melalui penyatuan, permuafakatan dan perpaduan. Kaedah ini melibatkan pemprosesan data dengan menggunakan perisian korpus iaitu AntConc. Menurut Martin Weisser (2016):

“*AntConc is a free and highly versatile concordancer that provides support for many advanced concordancing features, ...*”

Perisian ini diwujudkan oleh Sir Anthony Lawrence yang merupakan penuntut di Universiti Waseda. AntConc merupakan satu perisian percuma yang diwujudkan bagi memudahkan perlaksanaan pencarian daftar kata. Bahagian keseluruhan teks dimuatkan ke dalam perisian ini bagi mengesan leksikal-leksikal yang diperlukan bagi menentukan perincian setiap daripadanya. Perisian ini mampu memaparkan setiap kata kunci dalam bentuk senarai yang memudahkan proses pemerolehan maklumat.

Data dalam penggunaan bahasa adalah tinggi dan mencecah hampir berpuluhan ribu yang menyukarkan kita untuk mengklasifikannya satu persatu. Sebaliknya dengan menggunakan perisian ini ianya akan membantu menyenaraikan satu persatu data yang diperlukan dengan hanya memasukkan kata kunci sahaja. Dengan menggunakan perisian ini, kekerapan dikenalpasti, disenaraikan dan dianalisis bagi memperlihatkan kosa kata yang menjadi keutamaan dalam penggunaan pengucapan pemimpin untuk disampaikan kepada masyarakat. Melalui pemprosesan data korpus, aspek-aspek yang diperolehi akan dipersembahkan ke dalam bentuk jadual yang memperlihatkan kekerapan kata. Seterusnya, data yang diperolehi daripada word view akan dipaparkan sebahagian daripadanya untuk menyatakan kehadiran ganti nama yang memperlihatkan kesinambungan ayat yang dibentuk sebagai pembuktian aspek pengkajian.

Pemaparan Data

Kaedah ini dijalaksanakan setelah semua data-data dikumpulkan dan dikelaskan. Wacana yang dikaji dipecahkan kepada dua bahagian mengikut penyampainya untuk melihat perbezaan struktur dan organisasi teks. Setiap daripada data yang diperolehi dipindahkan ke dalam sebuah

jadual bagi menunjukkan proses pemaparan yang dilengkapi dengan maklumat atau perincian yang berkaitan dengan data. Data yang dipamerkan kemudiannya dilabelkan mengikut sistem penomboran iaitu diberikan nombor mengikut teks dan perenggan sebagai contoh T1.P2 yang mewakili teks 1 perenggan 2. Bagi kata ganti nama eksklusif dan inklusif, data dipaparkan dengan mempamerkan kekerapan dan juga kehadirannya dalam wacana. Seterusnya, bahagian leksikal dikelaskan mengikut kategori-kategori dan golongan kata yang kemudiannya disusun secara perincian dan paparan. Melalui data yang dipaparkan, setiap huraian dan analisis dilakukan berdasarkan hubungan konsep dan jenis-jenis data tersebut berkoheren dan kohesi dengan konteks atau latar belakang yang ingin diketengahkan oleh penyampai.

3.3 Kaedah Penganalisisan Data

Kaedah penganalisisan data merupakan proses menganalisis, merumuskan, menghuraikan dan menjelaskan data kandungan ke dalam kajian (Noramirah dan Wan Mohd Khairul Firdaus 2017). Data dianalisis menggunakan Teori Analisis Wacana Kritis. Kajian ini dilaksanakan berlandaskan kepada dua dimensi iaitu sifat kewacanaan dan ciri-ciri tekstual. Sifat kewacanaan memaparkan kajian berbentuk struktur generik, intertekstualiti dan interdiskurtiviti. Kerangka teori yang dipilih bagi penelitian kajian ini ialah analisis wacana kritis. Terdapat pelbagai versi dan pendekatan dalam analisis wacana kritis, seperti dimajukan oleh Fairclough, Wodak, Van Djik dan lain-lain. Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan teori analisis wacana kritis yang telah diubahsuai, dilaksanakan oleh Fairclough (1992 dan 1995) daripada penulisan Idris Aman (2008). Sehubungan dengan itu satu kerangka baru telah dibentuk bagi menjalankan analisis ini:

JADUAL 1: Kerangka Teori Kajian

Model Analisis Wacana	
Sifat Kewacanaan	Ciri-ciri Tekstual
1. Struktur Generik Teks	1. Leksikalasi
2. Penghasilan Wacana/Teks	a. Hasrat Utama Pembentukan Permuafakatan
- Interdiskursiviti	b. Kata ganti nama diri inklusif dan eksklusif
- Intertekstualiti	c. Kata kunci idea permuafakatan

Diubahsuai daripada Model Fairclough (1992 dan 1995)

Analisis dimulakan dengan mengenal pasti dan melabelkan struktur generik kedua-dua teks ucapan tersebut. Ucapan ini distrukturkan atau diorganisasikan mengikut setiap bahagian-bahagian yang dimuatkan ke dalam teks pengucapan, sekali gus melihat bayangan yang dibawa oleh pemikirannya. Struktur teks ucapan yang disampaikan oleh pemimpin UMNO dibahagikan kepada enam bahagian utama manakala PAS dibahagikan kepada lapan bahagian yang utama. Melalui teori yang digunakan pembentukan struktur generik wacana ini dibentuk dan diteliti ayat demi ayat dan baris demi baris bagi memperlihatkan corak yang dibawa berdasarkan proses pembentukan ayat tersebut. Seterusnya, kajian interdiskursitiviti dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada aspek yang wujud di luar daripada format atau bentuk penulisan dan pembentukan teks yang sebenar. Antara bentuk-bentuk wacana yang terlibat adalah argumentasi, laporan, narasi, deskripsi, hujahan dan ekspresi. Analisis ini dilakukan melalui penstrukturkan berdasarkan bentuk-bentuk wacana yang terlibat yang dilihat

dalam koheren dan kehensi ayat yang dibentuk. Bukan itu sahaja, penelitian juga dilaksanakan dengan melihat dari sudut pembawaan makna yang sebenar dan kemudian kesesuaianya dalam pembawaan sebuah ucapan.

Intertekstualiti digunakan untuk memahami strategi penghasilan wacana melalui idea dan kepercayaan dalam menghasilkan sebuah wacana. Proses ini melihat kepada bentuk sumber metawacana yang dimanfaatkan oleh penyampai dalam yang terkandung dalam teks pengucapannya. Analisis dari sudut ini menekankan apa yang ingin disampaikan oleh pewacana dengan menggunakan suara pihak luar atau sumber lain sebagai penyokong, penguat atau pewajar kepada penegasan yang ingin disampaikan oleh pewacana itu sendiri. Melalui teknik ini, secara tidak langsung ianya dapat memberikan penjelasan dan penerangan mengapa perlunya unsur-unsur tambahan dalam sebuah wacana. Analisis tekstual menjuruskan kepada penguraian ciri pengleksikal yang memaparkan tiga bentuk dasar pengkajian iaitu hasrat, kata ganti nama inklusif dan eksklusif serta kata kunci pembentukan permuafakatan. Pengleksikal membantu menjadikan sebuah wacana itu berupaya memainkan fungsinya dalam memperlihatkan proses kepimpinan. Analisis leksikal melibatkan tiga perkara yang tersurat yang terdapat dalam kandungan wacana iaitu enam hasrat pembentukan himpunan ummah yang terkandung dalam ucapan teks pemimpin UMNO.

Seterusnya, pengkajian diteruskan dengan melihat kekerapan kata nama inklusif (kami) dan eksklusif (kita) yang dilihat dari sudut kekerapan, koheren serta kohesinya di dalam ayat. Ganti nama jenis ini berperanan penting bagi memperlihatkan konteks perbicaraan antara penyampai dan pendengar sama ada ianya pengucapan yang dilakukan hanya melibatkan dirinya sendiri atau melibatkan dirinya bersama rakyat. Di samping itu, bagi menguatkan lagi hujahan pembuktian mengenai penyataan yang cuba dibentuk, kaedah korpus telah digunakan. Berdasarkan kaedah kata-kata yang mempunyai signifikansi dengan konteks pengucapan berkaitan dengan ideologi/gagasan kepimpinan yang diketengahkan. Seterusnya, data tersebut disenaraikan dan dikeluarkan serta dilihat dari aspek kesinambungan yang dibawa selepas daripada kata tersebut. Melalui ini pemanfaatan kata/frasa kunci tersebut dapat menonjolkan hubungan timbal balas antara pengurusan leksikal dengan gagasan kepimpinan yang ingin diketengahkan oleh kedua-dua parti iaitu PAS dan UMNO.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Sifat Kewacanaan

Analisis ini dilaksanakan adalah dengan meneliti proses penghasilan sebuah wacana. Pada bahagian ini analisis dilakukan dengan menafsir aspek struktur generik, intertekstualiti dan intersidkursiviti.

Sifat Generik

Struktur generik merujuk kepada hala tuju pembentukan sebuah teks secara keseluruhan. Menurut Farida Hidayati (2008), struktur generik adalah struktur teks pada wacana, yakni bagaimana sistem dan gaya penulis menyusun informasi tulisannya. Struktur generik adalah satu bentuk kerangka umum yang memperlihatkan gabungan antara setiap bahagian ayat yang dihasilkan menjadi satu penceritaan atau perenggan yang lengkap. Kerangka yang dibentuk bagi menghasilkan sebuah teks adalah berdasarkan matlamat dan objektif yang ingin dicapai dalam pemanfaatannya. Genre teras wacana Himpunan Penyatuan Ummah UMNO-PAS ialah ucapan. Teks yang dibentuk lazimnya dari segi bentuk permukaannya adalah terdiri daripada pembuka, badan dan penutup. Apabila dianalisis dan diteliti didapati bahawa teks ini distrukturkan dan diorganisasikan kepada bahagian-bahagian dari segi penyampaiannya.

Analisis dimulakan dengan mengenal pasti dan melabelkan struktur generik kedua-dua teks ucapan tersebut. Ucapan ini distrukturkan atau diorganisasikan mengikut setiap bahagian-bahagian yang dimuatkan ke dalam teks pengucapan, sekali gus melihat bayangan yang dibawa oleh pemikirannya. Struktur teks ucapan yang disampaikan oleh pemimpin UMNO dibahagikan kepada enam bahagian utama manakala PAS dibahagikan kepada lapan bahagian yang utama. Jadual berikut memaparkan turutan kandungan teks:

Terdapat perbezaan antara kedua-dua struktur generik bagi wacana yang disampaikan iaitu dari segi inti pati pembawaannya. Daripada analisis mendalam didapati bahawa struktur generik pengucapan ketua pemimpin UMNO ini distrukturkan atau diorganisasikan daripada enam subbahagian utama secara tersusun, iaitu PENGHARGAAN, RETROSPEKSI, MATLAMAT, ILTIZAM, TINDAKAN dan AJAKAN. Bagi analisis ciri-ciri struktur generik yang terdapat bagi teks wacana yang disampaikan oleh pemimpin PAS adalah mewakili PENGHARGAAN, PENCAPAIAN, RETROSPEKSI, HASRAT, ILTIZAM, PENYATUAN, AJAKAN dan PENUTUP. Berdasarkan daripada analisis struktur generik, didapati bahawa inti pati atau kandungan yang dimuatkan kedalam kedua-dua teks membawa pelan hala-tuju berdasarkan kepada matlamat yang sama iaitu membawa kesatuan dalam kalangan masyarakat iaitu memenuhi “matlamat-pencapaian”. ini demikian kerana matlamat yang digariskan daripada kedua-dua pemimpin ini terserlah melalui setiap daripada penstrukturkan inti pati wacana.

JADUAL 2. Struktur Wacana Teks UMNO dan PAS

Struktur Wacana UMNO	Struktur Wacana PAS
i. Mukaddimah	i. Mukaddimah
ii. Detik Bersejarah	ii. Kejayaan Penyatuan Ummah
iii. Agenda Besar	iii. Al-Quran Petunjuk Ummah
iv. Piagam	iv. Perpaduan Asas Kemerdekaan
v. Dugaan Dan Cabaran	v. Islam Memimpin Masyarakat
vi. Azam Piagam	vi. Asas Kerjasama Politik
	vii. Keharmonian Masyarakat Majmuk
	viii. Penutup

Komponen yang digunakan dalam kedua-dua wacana ini menunjukkan kedua-dua wacana terikat dengan ciri konvensional kerana struktur generiknya dipengaruhi oleh unsur-unsur yang lazim seperti penghargaan dan retrospeksi. Konsep penghargaan adalah memperlihat latar belakang budaya dalam masyarakat Melayu untuk menghargai setiap tindakan yang dilakukan oleh orang lain serta hormat menghormati. Di dalam wacana ini diselitkan unsur retrospeksi adalah untuk menyokong dan memperkuuhkan lagi usaha yang telah dibina oleh pemimpin terdahulu dan dijadikan sebagai rujukan bagi pembinaan kualiti dan idea kepimpinan yang dibawa dalam kalangan pemimpin. Setiap pengaruh yang dibentuk dan dijadikan sebagai rujukan adalah dapat meningkatkan tahap kebolehpercayaan masyarakat terhadap kepimpinan yang cuba dibawa.

Intertekstualiti

Intertekstualiti digunakan untuk memahami strategi penghasilan wacana melalui idea dan kepercayaan dalam menghasilkan sebuah wacana. Proses ini melihat kepada bentuk sumber metawacana yang dimanfaatkan oleh penyampai dalam yang terkandung dalam teks pengucapannya. Analisis dari sudut ini menekankan apa yang ingin disampaikan oleh pewacana dengan menggunakan suara pihak luar atau sumber lain sebagai penyokong, penguat

atau pewajar kepada penegasan yang ingin disampaikan oleh pewacana itu sendiri. Menurut Julian (di dalam Idris, Norsimah dan Mohammad Fadzeli, 2014), petikan banyak menyumbang kepada penulis: memberi kredibiliti kepada penulisan dan kepada kata-kata penulis; menegaskan apa yang diperkatakan; memberi citarasa kepada apa yang ditulis dan mengemukakan pandangan yang berbeza. Metawacana yang digunakan disesuaikan dengan konteks dan kandungan penyampaian sehingga membentuk sebuah wacana yang utuh kerana memiliki pengaruh daripada unsur-unsur lain yang dapat menjadikannya sebagai penegas.

Intertekstualiti adalah berkaitan dengan kepelbagaiannya dalam sesebuah wacana bagi menguatkan matlamat penyampaian serta menjadikan teks yang dihasilkan utuh dan berkesan. Sumber yang diperolehi daripada teks lain ini diolah bagi menghasilkan teks yang baharu di samping memantapkan lagi konteks atau kandungan dalam sesebuah wacana. Prinsip intertekstualiti adalah setiap teks yang dihasilkan gabungan dan transformasi daripada teks silam. Di samping itu, ianya memperlihatkan bahawa setiap teks yang dihasilkan tidak bebas daripada sebarang unsur, pengaruh dan masukan teks lain. Secara tidak langsung ianya membuktikan bahawa pengaruh sosial, politik, ekonomi dan budaya menjadi salah satu peranan bagi menghasilkan teks. Menurut Rahim Aman dan Norfazila Hj. Ab Hamid (2015), intertekstualiti dilaksanakan melalui beberapa bentuk, seperti representasi wacana praandaian, nafian, metawacana dan ironi. Di dalam wacana ucapan UMNO dan PAS terdapat penggunaan metawacana yang ketara antara kedua-dua teks. Menurut Idris Aman (2006), terdapat beberapa cara intertekstualiti metawacana berlaku seperti penyisipan. Penyisipan adalah dengan memuatkan teks-teks luar cara memiliki ciri kesesuaian untuk menjadikan sesebuah wacana itu lebih meyakinkan.

Kedua-dua teks memanfaatkan unsur teks lain sebagai penguat bagi ucapan yang disampaikan. Bagi memenuhi kesesuaian kehendak dan hasrat agenda yang ingin diketengahkan penyampai kebanyakannya menggunakan teks-teks yang membawa unsur kepada penyatuan sama ada melalui ayat Al-Quran, hadis, peribahasa, lagu, pantun dan seumpama. Intipati daripada wacana luar ini disesuaikan mengikut kepada latar belakang agenda, melalui daripada penyisipan wacana luar ini ianya dapat membantu meningkatkan keyakinan di samping menguatkan lagi hujah yang cuba disampaikan. Antara penggunaan metawacana pada ledua-dua teks.

JADUAL 3 Metawacana Teks UMNO dan PAS

Aspek	Cara	Sumber
Metawacana UMNO	Teks Kata-kata hikmah	T1.P5...“kalau kenduri-kendara, pakat-pakatlah kita menolong. kalau sakit demam, pakat-pakatlah kita menziarah.
	Ayat Al-Quran	T1.P8. Surah Al-Anfaal (Ayat 63)
	Peribahasa	T1.P12.Air setitik dilautkan, Tanah sekutul digunungkan. T1.P18.Air sama air menjadi satu, Akhirnya sampah ke tepi juga.
	Lagu	T1.P27.Inilah teman sejati ketika susah dan senang, sebagaimana lirik lagu Teman Sejati.
	Kiasan	T1.P32.Dari kota besar ke pergunungan. Dari daratan membawa ke pulau terpencil....

Aspek	Cara	Sumber
Metawacana Teks PAS	Ayat Al-Quran Ayat Al-Quran Pantun	T2.P5 (Surah Ali-Imran: 102-103) T2.P9 (Surah Muhammad: 38) T2 P.25...Melukut di tepi gantang, Buka sanggul mencari kutu, Orang takut akalnya hilang, Jumpa tunggul disangka hantu.
	Peribahasa	T2.P18 Sepatutnya kita membaiki kelemahan yang sebenar dengan membina ke arah lebih baik, bukan laksana tikus membaiki labu.....
	Peribahasa	T2.P17...Teruskan perjalanan perpaduan ummah, laksana biduk lalu kiambang bertaut, air dicincang tidak akan putus.
	Hadis	T2. P35 Sabda Rasulullah S.A.W. “Bukan daripada kita orang yang berperang di atas dasar asabiyah, bukan daripada kita orang yang bermatian kerana asabiyah dan bukan daripada kita orang yang mengajak kepada asabiyah”
	Hadis	T2.P36 ...Sabda Rasulullah S.A. W. “Kamu menolong kaummu berlaku zalim”.

Penyampaian makna yang mendasari kesetiap aspek metawacana yang digunakan adalah berdasarkan kepada konsep penyatuan. Daripada segi penulisan yang dihasilah dalam teks penyampaian kesemua inti pati yang diucapkan adalah berhubung kepada bagaimakah untuk membentuk hubungan antara pemimpin dan juga masyarakat. Melalui penambahan aspek metawacana ini ianya lebih membantu menyakinkan para pendengar berdasarkan daripada fakta dan juga olahan bernal yang telah digunakan. Jika diteliti hampir setiap daripada kedua-dua teks menerapkan unsur metawacana, teks UMNO menggunakan kepelbagaian dari segi penggunaan metawacananya. Namun, berbeza dengan teks yang disampaikan oleh pemimpin PAS yang kebanyakannya menggunakan ayat Al-Quran di samping menyelitkan unsur metawacana yang lain. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan pengaruh latar belakang yang dipegang antara dua parti ini juga menjadi dasar kepada penulisan wacana ini.

Interdiskursiviti

Interdiskursiviti menurut Fairclough (1992) ialah ‘jenis wacana’ (discourse type) atau nama-nama lain yang selarasnya, seperti genre atau jenis aktiviti yang dijalankan di dalam penghasilan sesuatu wacana (Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid 2015). Analisis ini dijalankan untuk mengenal pasti ‘jenis wacana’, gaya dan ‘jenis aktiviti’ atau seumpamanya yang diterapkan dalam proses penghasilan wacana. Praktis kepimpinan yang berorientasikan khalayak wajar dilihat daripada aspek interdiskursiviti wacana pengucapan yang disampaikan. Hal ini ini demikian kerana wacana pengucapan yang terhasil dilatari dengan beberapa jenis wacana lain. Perkembangan teks wacana terdorong daripada pengaruh yang diberikan oleh penerima, bagi menjadikannya sebuah wacana yang menarik dan padat dengan topik yang diperkatakan. Unsur-unsur luar dimasukkan ke dalam teks ucapan bagi membentuk jalinan jenis-jenis wacana yang berlanjut dalam sesuatu teks lama dan kemudiannya memperbaharui

penstrukturannya. Analisis interdiskursiviti turut membantu untuk memahami proses pemerolehan kuasa yang terselindung dalam teks pengucapan PAS-UMNO. Di dalam penyampaian ini jenis wacana yang digembleng adalah berbentuk perutusan, seruan, sejarah dan perpaduan. Corak penyampaian adalah lebih kepada keutamaan terhadap Melayu Islam.

JADUAL 4. Aspek-aspek Intrdiskursiviti

Interdiskursiviti			
Jenis Wacana	Sifat Wacana	Fungsi	Teknik
Ekspresi	Ekspresif	Meluah Hasrat	1. Ajakan 2. Kehendak 3. Luahan
Laporan	Ekspositori	Memberitahu	1. Laporan berasaskan masa 2. Maklumat secara terus
Hujahan	Argumentatif	Mengemukakan/ Mempertahankan Pandangan	1. Hujahan ayat dengan topik perihal 2. Hujahan dengan ayat topik takrifan 3. Hujahan dengan nyataan topik
Narasi	Penceritaan	Untuk melakukan perbandingan	1. Membangkang 2. Menyokong

Wacana ekspresi ini berkait rapat dengan aspek politik, ekonomi, dan sosial. Namun, dalam teks ini penulis mendapati wacana jenis ekspresi digunakan oleh pewacana ialah satu luahan pewacana untuk mengajak, memujuk, serta kehendak pewacana supaya masyarakat faham akan matlamat pucuk pimpinannya serta sedar masalah yang melanda dalam negara ini. Antara contoh yang terdapat dalam kedua-dua wacana ini ialah:

T1.P6. Sesungguhnya yakinlah, permuafakatan yang akan terbentuk di antara UMNO dan PAS ini tidak sama sekali menjejaskan tiang seri negara dan institusi raja, sebagaimana termaktub dalam Fasa 3.2 Perlembagaan UMNO.

T1.P31. Marilah kita berazam, kita tidak akan mengenepikan sesama kita dalam apa sahaja keadaan. Seandainya ada sebarang perbezaan pandangan, pendapat dan kehendak, ia perlu dirujuk secara musyawarah berlandaskan kepada sumber hukum, nas Al-Quran, hadis, qias dan itijmak ulama.

T2.PFahamlah di sini bahawa alam Melayu telah dicipta Allah, seperti juga alam bangsa lain. Cita-cita muahu menghapuskan bangsa, laksana muahu menghapuskan matahari dan bulan yang tidak mungkin dicapai oleh tangan manusia yang kakinya berpijak di bumi dan melihat ke angkasa lepas dengan pandangan yang terbatas.

T2.PMarilah kita menjalin kerjasama di atas kebenaran dan ketakwaan. Jangan putuskan hubungan Islam, bangsa dan kemanusiaan. Kalau jauh dekat-dekatkan, kalau renggang rapat-rapatkan, kalau putus hubung-hubungkan. Teruskan perjalanan perpaduan ummah, laksana biduk lalu kiambang bertaut, air dicincang tidak akan putus.

Seterusnya wacana jenis laporan. Wacana jenis ini dijalinkan dalam wacana yang berfungsi sebagai satu langkah pemimpin untuk melaporkan kepada masyarakat sebagai

maklumat sama ada berkaitan dengan keadaan semasa negara atau berkait dengan perkara yang ingin disampaikan. Di samping itu, wacana ini juga turut mendedahkan maklumat tentang ‘apa’, ‘siapa’, ‘bila’, atau ‘bagaimana’. Penggunaan wacana jenis ini memaparkan bahasa pewacana cuba untuk menguatkan lagi hasratnya dan keinginan agar tercapai. Dalam kedua-dua pengucapan ini terdapat beberapa wacana laporan antaranya adalah:

T1.P3. Lebih tepatnya lagi apabila saat penyatuan ini termeterai setelah 1400 tahun berlalunya peristiwa Aamul Jamaah atau Tahun Penyatuan iaitu penyatuan dua golongan dari pendukung Saidina Ali Karramallahu Wajhah dan pendokong Saidina Muawiyah R.A. Penyatuan ini berlaku pada 41 Hijrah. Kini setelah 1400 tahun berlalunya Aamul Jamaah itu, kita kembali mengambil semangat penyatuan tersebut.

T1.P13. UMNO dan PAS di bawah pimpinan baharu telah memperkasakan isu-isu menyentuh aspek taawun siyasi. Pada 4 Disember 2016, kita pernah sepantas di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, bagi memperjuangkan hak asasi kemanusiaan rakyat Rohingya. Pada 22 Disember 2017 di Masjid Putra, Putrajaya kita bangkit bersama dalam Himpunan Putih, bersolidariti selamatkan Baitul Maqdis. Di Pasir Salak, pada 17 November 2018, kita senada melaungkan hasrat untuk penyatuan ummah. Kita juga sepakat, dalam Himpunan Menentang ICERD pada 8 Disember 2018 di Dataran Merdeka. Malah, kita sehaluan membantah Statut Rom di seluruh negara.

T2.P5. Sejarah Islam meninggalkan kesan kepada lahirnya lebih tiga ratus juta rumpun Melayu sehingga kini, namun telah dipecahkan oleh penjajah menjadi beberapa negara, termasuk Malaysia, sehingga berpecah lagi dalam satu negara dan bangsa sendiri.

T2.P11 Malah sejarah menyaksikan Raja-Raja Melayu beragama Islam berjaya menyatukan rumpun Melayu dan masyarakat majmuk di rantau ini sehingga rakyatnya menerima agama Islam dan Bahasa Melayu berhuruf Al-Quran menjadi bahasa rasmi Nusantara yang pengaruhnya masih ada sehingga kini di kalangan 300 juta jumlahnya, merangkumi Indonesia, Malaysia, Brunei, Filipina, Selatan Thailand dan bangsa Champa di Kemboja dan Vietnam.

Selain itu, terdapat juga wacana jenis hujahan yang dijalankan di dalam ucapan berkenaan yang berfungsi sebagai peringakatan kepada pendengar supaya lebih peka berkenaan dengan perkara yang semakin meruncing yang telah berlaku di dalam negara. Di samping wacana jenis ini dapat membangkitkan semangat pendengar yang dikatakan masih lena ataupun masih tidak menyedari gejala yang telah menular. Melalui penggunaan wacana ini ia dapat meningkatkan tahap pemikiran pendengar untuk lebih mengetahui tentang perkara yang perlu untuk dijadikan sebagai pegangan. Antara contoh-contoh wacana jenis hujahan di dalam ucapan ini ialah:

T1.P17. Sesungguhnya, UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita Islam, Kebangsaan Melayu, Hak Bumiputera dan Anak negeri serta perpaduan Malaysia demi kemakmuran dan kestabilan negara. PAS pula, memperjuangkan wujudnya sebuah masyarakat dan pemerintahan, yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah SWT. Begitulah, padunya persamaan UMNO dan PAS.

T1.P21. Kita ingin menegaskan, penyatuan ummah bukan hanya untuk UMNO dan PAS. Sebaliknya ia menyeluruh, merangkumi semua bangsa, agama dan kaum. Ia tidak didasari kepada matlamat dan kehendak politik semata-mata. Sudah pasti ikatan murni ini bakal mencetuskan sejuta potensi baharu, yang belum pernah kita terfikir sebelum ini.

T2.P24. Namun, penjajah bangsa Eropah datang merosakkan segala-galanya. Sekarang kita sudah Merdeka pada jasad, tetapi hantu-hantu penjajah itu masih berkeliaran merasuk pemikiran rakyat. Hantu-hantu penjajah ini yang paling benci dengan perpaduan Melayu dan paling marah dengan himpunan kita pada hari ini laksana kata:

Melukut di tepi gantang,
Buka sanggul mencari kutu,
Orang takut akalnya hilang,
Jumpa tungkul disangka hantu.

Kalau tungkul pun takut, maka yang bukan tungkul lagilah takut. Itu semua sangkaan yang karut!

T2.P35. Maka teori ‘Malaysian Malaysia’ ke arah menghapuskan hak bangsa Melayu dan Bumiputera dan kedudukan agama Islam, adalah ajaran salah yang melanggar sempadan konsep negara ini yang wajib dipertahankan. Perkelahian kerana perbezaan bangsa berkonseptan asabiyah (fanatik) juga salah kerana semua para Rasul yang membawa Islam mengajar sayang kepada bangsa masing-masing dan melarang asabiyah.

Di samping itu wacana jenis narasi turut digunakan. Sifat wacana ini adalah penceritaan yang digunakan oleh pewacana bagi mengenang atau melihat kembali kisah yang telah berlaku sebagai rujukan antara pembawakan negatif atau positif dalam konteks penyampaiannya. Tujuan penggunaan penceritaan ini adalah untuk menyatakan kejayaan yang telah dibawa oleh pemimpin terdahulu yang telah lama membentuk penyatuan dan kemudian agenda tersebut perlu diteruskan dan dijadikan teladan sehingga kini. Berikut merupakan contoh jenis wacana narasi yang dimuatkan dalam teks ucapan yang dikaji:

T1.P10. Peristiwa hari ini merupakan kesinambungan gagasan perpaduan PERIKATAN-PAS yang telah diasaskan oleh Almarhum Tun Abdul Razak, selaku Presiden UMNO dan Almarhum Tan Sri Mohamad Asri Muda, Yang Dipertua Agung PAS pada 28 Disember 1972. Malah pada tahun 1998 Almarhum Professor Dato dr Haron Din yang ketika itu merupakan Ketua Penerangan PAS telah berpesan kepada saya untuk suatu waktu nanti agar UMNO dan PAS bersatu dalam satu wadah perjuangan yang sama. Secara kebetulan pada 16 September ini genaplah tiga tahun kembalinya beliau ke rahmatullah. Marilah kita sama-sama, menghadiahkan Al-Fatihah kepada ketiga-tiga mereka dan para pejuang terdahulu. Al-Fatihah!

T1.P11. Mengimbau ucapan Almarhum Tun Abdul Razak di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 24, pada 30 Jun 1973, Almarhum menyatakan “Asas kerjasama PAS dan UMNO (Perikatan) adalah kejujuran, keikhlasan, berbaik sangka dan berkhidmat bersama-sama untuk Agama dan Negara, kerana ia bergantung kepada kestabilan politik dan ekonomi.”

T2.P2.Islam telah berjaya menyatukan bangsa Arab yang suka berperang sesama sendiri, memulakan penyatuan bangsanya dahulu dan memimpin bersama Islam, seterusnya diperintah supaya mengajak seluruh manusia bersama Islam tanpa paksaan dan membawa konsep persaudaraan seluruh manusia. Pada zaman keemasan generasi awal itu menyaksikan pengaruhnya berkembang ke Timur dan Barat, sehingga sampai ke Rantau Alam Melayu ini.

T2.P6.Al-Quran adalah Mukjizat petunjuk untuk seluruh manusia di sepanjang zaman. Al-Quran mengajar konsep perpaduan yang bersifat sangat dan berwawasan sepanjang dunia sehingga akhirat, mengikut makna perkataan Islam daripada bahasa asalnya iaitu Al-Din yang

tidak mampu diterjemahkan makna dan objektifnya dalam bahasa lain melalui perkataan agama, religion, ideologi dan teori

4.2 Ciri Tekstual

Analisis ciri tekstual mengupas antara aspek leksikal kepimpinan dan permuafakatan yang tersurat dan tersirat yang dicuba disampaikan melalui wacana ucapan. Di dalam analisis ini didapati bahawa selain daripada ciri-ciri kepimpinan yang dibawa oleh penyampai terdapat juga aspek permuafakatan iaitu melalui hasrat utama yang diketengahkan, kata rujukan utama yang sering digunakan iaitu dari aspek kata nama dan mengenalpasti kata identifikasi parti.

Pengleksikalan

Pada bahagian T1 wacana penyampai menggariskan enam hasrat utama pembentukan permuafakatan. Kata kunci yang digunakan telah memperlihatkan bahawa konteks utama yang cuba disampaikan melalui pengucapan ini adalah penyatuan. Enam hasrat yang digariskan dalam panduan penulisan teks UMNO ini memfokuskan kepada perpaduan yang perlu dicapai. Kandungan setiap inti pati daripada keenam-enam hasrat ini menekankan manfaat yang bakal diperoleh, bagaimanakah cara untuk menjadikan penyatuan sebuah realiti dan bukan hanya sekadar berkata-kata. Penekanan yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu membuka minda para penengar untuk lebih memahami dan juga secara tidak langsung menarik minat mereka untuk cenderung menyokong agenda yang dibentuk. Berdasarkan daripada hasrat yang dibentuk, terdapat pencerahan terhadap latar agenda yang dibentuk, hasrat pemimpin, tindakan yang patut dilakukan dan bagaimanakah cara untuk merealisasikan pencapaian yang telah ditetapkan. Kesemua hasrat ini dijadikan panduan kepada pemimpin dan juga rakyat.

JADUAL 5 . Hasrat permuafakatan yang dibentuk

P.29. Saya ingin menggariskan enam hasrat utama permuafakatan ini:

- I. AKIDAH, KEIMANAN DAN KEIKHLASAN
- II. AGENDA BESAR
- III. JAMINAN PEMUAFAKATAN
- IV. ELAK PERGESERAN
- V. TONGGAK KEPIMPINAN
- VI. KEKAL SELAMA-LAMANYA

Kata ganti nama diri inklusif dan eksklusif

Kata nama kebiasaananya terbahagi kepada tiga iaitu ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Namun setiap daripadanya memiliki sifat yang berlainan dari segi jumlah iaitu mufrad atau jamak. Kata ganti nama yang dianalisis dalam konteks ini adalah ‘kami’ dan ‘kita’. Kedua-dua leksikal ini merupakan kata ganti nama diri pertama, namun kedua-dua mempunyai perbezaan dari aspek semantiknya. Menurut Asmah Haji Omar (2008) *kami* biasanya dikenal sebagai ganti nama diri pertama jamak yang sifatnya eksklusif dan *kita* dikenali sebagai ganti nama diri pertama jamak yang sifatnya inklusif. Hal ini demikian kerana apabila dalam konteks perbualan *kami* tidak merangkumi orang yang diajak bercakap iaitu orang kedua, sedangkan *kita* meliputi orang pertama dan juga orang kedua dan melibatkan orang yang dilawan bercakap. Jadi melalui

penganalisisan leksikal ini dapat mengenai sifat kata dan juga sejauh mana penyampai memastikan ujaran yang diberikan berkesan kepada yang mendengarnya berdasarkan kata ganti nama.

JADUAL 6 Keseluruhan Wacana

Kategori	Kata Ganti Nama Diri	Kekerapan
Inklusif	Kita	91
Eksklusif	Kami	6

Bahagian keseluruhan wacana mendapati bahawa kata nama inklusif lebih banyak digunakan dalam kedua-dua teks. Hal ini telah melambangkan bahawa penyampai menghasilkan wacana yang meliputi semua pihak sama ada dalam kalangan pemimpin parti maupun ahli yang terdapat di dalam parti. Penggunaan kata ganti nama memainkan peranan penting dalam membentuk penyatuan yang dapat menyakinkan para pendengar. Berdasarkan daripada jadual 7, kekerapan kata nama diri inklusif hadir sebanyak 36 kali daripada keseluruhan teks manakala kata nama diri eksklusif tidak terlibat dalam penghasilan teks ini. Berbeza dengan kata ganti nama eksklusif ianya tidak begitu banyak digunakan dalam teks dan hanya hadir di dalam teks PAS iaitu sebanyak 6. Kehadirannya juga tidaklah secara menyeluruh daripada teks kerana terdapat sebahagian daripadanya hadir di dalam metawacana yang digunakan. Perbezaan kekerapan antara kedua-dua ini adalah disebabkan faktor jumlah bilangan teks yang berbeza. Pengaruh yang dibawa antara kedua-duanya juga menunjukkan perbezaan yang begitu ketara.

JADUAL 7 Wacana UMNO (T1) dan Wacana PAS (T2)

	Kategori	Kata Ganti Nama Diri	Kekerapan
Wacana UMNO	Inklusif	Kita	36
	Eksklusif	Kami	0
Wacana PAS	Inklusif	Kita	55
	Eksklusif	Kami	6

T1.P2. Izinkan saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Perunding dan Jawatankuasa Teknikal UMNO dan PAS, yang telah membincangkan kerangka piagam yang akan **kita** tandatangani sebentar lagi.

T1.P16. Mereka mahu menggagalkan usaha murni ini. **Kita** harus berwaspada kerana kedudukan dan kuasa mereka pasti tergugat, apatah lagi sehingga kini mereka saling berebut kuasa sesama sendiri.

T1.P130. Marilah kita berazam, bahawa, **kita** tidak akan berhasad dengki, khianat dan iri hati, bertelagah serta berbalah sama sendiri. **Kita** berazam akan bersatu padu dan patuh menegakkan agama Islam. **Kita** juga berazam akan bersama-sama mendepani sebarang halangan, cabaran luaran dan dalaman, demi memartabatkan agama, bangsa dan negara.

T2.PAlhamdulillah hari ini kita menempa sejarah baru, mengingatkan sejarah silam kejayaan lima belas abad yang lalu, ketika Islam bermula di Asia Barat dalam masyarakat paling keras dan ganas, sekeras batu di padang pasir yang sentiasa hangat membakar.

T2.P Kepada rakyat berbagai kaum dan etnik di Sabah dan Sarawak, marilah kita memelihara perpaduan yang sedia terjalin dan menolak sebarang pendekatan ekstrem yang boleh memecahkan penyatuan ini.

T2.P Semuanya dapat difahami dalam konsep Ta’awun yang kami perkenalkan dalam kerjasama PAS dan UMNO berpandukan firman Allah:

T2.P Dalam semua hal ini, tidak ada perbezaan di antara PAS dan UMNO, maka Islam mengajar kami, ada masa untuk berbalah, bukannya berbalah sepanjang masa dan jangan melampaui batas apabila berbalah. Sekarang perbalahan sudah rapat ke dinding yang disekat oleh sempadan Islam yang menyatukan kita.

Penggunaan kata ganti nama diri inklusif ‘kita’ dimanfaatkan sepenuhnya dalam teks bagi menunjukkan bahawa bukan hanya sebelah pihak sahaja yang perlu melaksanakan dan mengambil tindakan. Namun, bagi merealisasikan hasrat yang dibentuk bukan hanya pendengar sahaja yang perlu bertindak tetapi pemimpin juga perlu berganding bahu bagi memastikan setiap tindakannya yang dibentuk dapat dilaksanakan. Hal ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin ini tidak cuba untuk melepas tangan dengan hanya ingin memperoleh pengaruh kekuasaan sahaja. Penggunaan kata eksklusif ‘kami’, hanya digunakan dalam teks pemimpin PAS sahaja. Jika diteliti pemimpin cuba memperlihatkan aspek yang diusahakan pemimpin untuk memperlihatkan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak mereka dalam usaha meningkatkan lagi tahap kesatuan antara satu sama lain.

Kata kunci idea permuafakatan

Wacana turut menggunakan kata/frasa kunci yang berkaitan dengan gagasan kepimpinan dan permuafakatan ummah. Di samping itu, kata kunci pembentukan wacana ini dilihat iaitu dari aspek penggunaan leksikal yang dikenalpasti dari sudut koheren dan kohesinya antara konteks penyampaian. Makna ayat yang dibawa dalam ayat tersebut dilihat dan dibuktikan melalui penganalisisan yang memaparkan penggunaan leksikal berbentuk permuafakatan dan pembentukan ummah yang membentuk penyatuan dan memenuhi kehendak wacana ini. Ciri-ciri dan sifat-sifat pembawakan makna di sebalik wacana iaitu permuafakatan merupakan satu bentuk kata yang jelas digunakan dalam penghasilan wacana Himpunan Ummah PAS-UMNO. Penggunaan leksikal ini dalam wacana atau teks adalah bagi membuktikan bahawa agenda utama penyatuan ini adalah untuk membentuk semula kesatuan antara rakyat yang beragama Islam.

Leksikal yang dipilih menunjukkan lambang kepada pembentukan dan nilai kesatuan antara kedua-dua parti. Makna yang dibawa oleh setiap leksikal yang dipilih adalah bersaskan kepada agenda utama iaitu Himpunan Penyatuan Ummah UMNO-PAS. Berdasarkan analisis bentuk leksikal ini ianya dapat membantu memperlihatkan semangat penyatuan yang cuba dibawa bagi merealisasikan agenda yang cuba diketengahkan. Walaupun kehadiran kata pada hanya konteks tertentu, namun ianya dapat membantu menggabung setiap daripada inti pati yang cuba disampaikan kepada pendengar untuk melihatnya dengan lebih jelas isi yang tersirat dan tersurat yang cuba diketengahkan. Berdasarkan Jadual 8, kehadiran leksikal ini melengkapkan lagi tahap penyampaian makna dan juga menjadi penghubung bagi melengkapkan hasrat yang cuba dilontarkan kepada pendengar. Di samping itu, aspek kepimpinan juga turut terserlah dalam kalangan pemimpin melalui pengucapan yang disampaikan. Melalui cara penyampaian yang dibawa pemimpin, melihat kepada struktur ayat dan juga makna yang terkandung daripada inti pati penyampaiannya ianya menunjukkan sikap ketegasan dan juga perancangan strategi yang berstruktur dan rapi.

JADUAL 8 Kata Kunci Teks Himpunan UMNO-PAS

Wacana	Kata Rujukan	Kekerapan	Contoh Penggunaan
UMNO	Muafakat Nasional/ muafakat	11	T1.P28. Kita berkeyakinan, dengan termeterainya Piagam <i>Muafakat Nasional</i> ini, ia bakal menyemarakkan lagi obor perjuangan kita bersama, demi negara yang lebih bermaruah.
	Penyatuan	19	T1.P9. Sesungguhnya prinsip <i>penyatuan</i> ini telah diperjuangkan dan diterjemahkan oleh Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa 2019 iaitu Fadhilah Sheikh Abdullah Bin Bayyah yang menegaskan agar penyatuan ummah ini dijadikan matlamat utama demi melahirkan keamanan dan kerukunan sejagat.
	Permuafakatan	12	T1.P32. Ingin saya tegaskan, kejayaan <i>permuafakatan</i> UMNO dan PAS, memerlukan dokongan semua rakyat di seluruh negara.
	Bersatu	3	T1.P30. Marilah kita berazam, bahawa, kita tidak akan berhasad dengki, khianat dan iri hati, bertelagah serta berbalah sama sendiri. Kita berazam akan <i>bersatu</i> padu dan patuh menegakkan agama Islam. Kita juga berazam akan bersama-sama mendepani sebarang halangan, cabaran luaran dan dalaman, demi memartabatkan agama, bangsa dan negara.
	Bersama-sama	2	T1.P11. Mengimbau ucapan Almarhum Tun Abdul Razak di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 24, pada 30 Jun 1973, Almarhum menyatakan \x93Asas kerjasama PAS dan UMNO (Perikatan) adalah kejuranan, keikhlasan, berbaik sangka dan berkhidmat <i>bersama-sama</i> untuk Agama dan Negara, kerana ia bergantung kepada kestabilan politik dan ekonom
PAS	Muafakat Nasional/ muafakat	3	T2.P53. Akhirnya kita doakan kejayaan dengan berkat <i>muafakat</i> serta mendapat restu hidayah Allah dan pertolongan-Nya.
	Penyatuan	8	T2.P5. Kini kita ingin mencipta sejarah baru untuk generasi yang akan datang, dengan kembali semula kepada <i>penyatuan</i> umat dan bangsa, mengikut acuan petunjuk Allah bagi mencapai kejayaan itu.
	Bersatu	4	T2.P31. Pertembungan hanya dalam perbezaan pendekatan dan salah faham dalam perkara cabang yang bersifat teknikal. Maka dalam menghadapi cabaran yang lebih besar, kita wajib <i>bersatu</i> dalam perkara dasar dan asas, dan boleh bertolak ansur dalam perbezaan, serta bermaaf-maafan dalam pertembungan.
	Bekerjasama	1	T2.P33. Seterusnya manusia adalah keluarga besar menjadi penduduk bumi yang dimakmurkan dengan berbagai hasil dan kebolehan yang berbeza yang mewajibkan mereka <i>bekerjasama</i> dalam kehidupan dunia dan memakmurkannya dengan hasil bumi yang bersifat galian, pertanian, hidupan jinak dan liar, disertakan kemahiran yang berbagai.

5. Rumusan dan Cadangan

Kajian ini adalah berkaitan dengan analisis bahasa membentuk sebuah wacana dan kemudian digunakan dalam tujuan kepimpinan. Corak atau pendekatan yang digunakan dalam penghasilan sesebuah wacana adalah berbeza dan sukar untuk diramalkan. Melalui analisis dan penelitian yang dijalankan, struktur wacana dapat dilihat sebagai sebuah wadah yang bukan hanya meliputi kandungan isi dan juga ayat yang lemah dan biasa. Namun, secara tersirat dan tersuratnya ianya mempunyai satu bentuk dan struktur yang sangat mendalam malahan sukar untuk melihatnya hanya dalam bentuk biasa. Penggunaan teori Analisis Wacana Kritis membantu menyempurnakan sifat dan ciri-ciri yang terdapat pada teks yang tidak boleh dilihat hanya dengan pengetahuan yang tidak berasaskan kepada konsep saintifik di samping sifat kebahasaan. Kewujudan teori ini membantu mengetengahkan bahasa sebagai medium yang bukan sahaja digunakan sebagai proses interaksi dan komunikasi, sebaliknya ianya juga dapat membentuk sebuah identiti, ideologi, pegangan dan seumpamanya. Keutuhan pembentukan

ayat daripada peringkat kata yang paling rendah sehingga kepada pembentukan sebuah wacana mampu untuk membuka minda pembaca dan juga dijadikan sebagai medium penyampaian yang interaktif dan berkesan. Diharapkan pengkaji yang akan datang dapat mengkaji kedua-dua jenis teks ini berdasarkan kepada unsur semiotik. Dimensi semiotik digunakan untuk menyerikan dan memberi nilai tambah kepada wacana yang berupaya membantu menarik minat pendengar.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Farida Hidayati. (2008). *Persiapan Ujian Nasional Bahasa Inggris*. Bandung: Grafin Media Pratama.
- Haryono Suyono.(2003). *Politik Komunikasi*. Indonesia: Grasindo Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Idris Aman, Norsimah Mat Awal dan Mohammad Fadzeli Jaafar. (2014) Strategi Wacana Teks Akademik Sains dan Teknologi. *Gema Online Journal of Language Study* 12(1): 189-202.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11. *Akademika* 72: 69-96.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Johor. 28-29 Mac 2012.
- Martin Weisser. (2016). *Practical Corpus Linguistics: An Introduction to Corpus-Based Language Analysis*. United Kingdom: WILEY Blackwell.
- Noramirah Kamaruddini dan Wan Mohd Kahairul Firdaus Wan Khairuddin (2017). Penggunaan Metodologi Dakwah dalam Fatwa. The International Seminar On Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (Islac 2017). UniSZA.
- Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid. (2015). Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31(1): 205-220.
- Rohaizah Karim. (2014). Analisis Wacana Ucapan Perdana Menteri Malaysia Keenam Sempena 100 Hari Menakhoda Negara. Tesis Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Terengganu. 4-5 March 2017.